

## **Platform E-sports Mampu Jana Pendapatan Pada Musim PKP**


Oleh: Ammar Hakim Sabri, 1180175

Disember 2, 2020

KUALA LUMPUR: Beberapa pemain eSports berpendapat, ramai orang mampu untuk menjana pendapatan melalui permainan eSports khususnya sepanjang musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dilaksanakan.

Mereka yang menggemari permainan eSports seperti 'Mobile Legend', 'PUBG Mobile' dan 'Pro Evolution Soccer (PES)', mereka boleh menjana pendapatan menerusi penstriman di platform media sosial Facebook dan mendapatkan keuntungan daripada jumlah 'stars' yang disumbangkan oleh penonton.

Abdul Aziz Muhammad Mahmud, 22, salah seorang daripada pemain 'Mobile Legend' dan 'PUBG Mobile' berpendapat, pendapatan boleh diperolehi melalui penyertaan dalam pertandingan-pertandingan eSports yang dianjurkan.



Abdul Aziz Muhammad Mahmud sedang bermain permainan 'PUBG Mobile'.

Dia berkata, ramai pemain profesional eSports Malaysia berjaya mendapatkan keuntungan yang lumayan daripada pertandingan dianjurkan, antaranya Ahmad Fuad Razali atau lebih dikenali sebagai Fredo yang telah memenangi wang tunai sebanyak RM172,00 bersama pasukannya dalam pertandingan 'PUBG Mobile' sekaligus mengharumkan nama Malaysia di pentas Asia Tenggara.

“Namun, untuk mendapat tempat dalam bidang eSports ini, mereka juga perlu bersaing kerana kini telah ramai yang menyedari akan kelebihan diperolehi menerusi bidang ini. Tidak dinafikan juga terdapat mereka yang menceburi dalam bidang ini sekadar untuk mengisi masa lapang bersama rakan-rakan dan juga saudara mara,” katanya dalam sesi temubual.

Khairul Luqman Khairul Azman, 22, antara salah seorang yang berpengalaman dalam dunia penstriman berkata semenjak (PKP) dilaksanakan ramai juga dalam kalangan artis Malaysia yang turut melibatkan diri dalam bidang penstriman eSports sebagai pendapatan sampingan adapun untuk mengisi masa lapang mereka dan antaranya ialah Zahiril Adzim, Wany Hasrita dan Muna Shahirah.



Khairul Luqman Khairul Azman sedang bermain permainan komputer secara atas talian.

Dia berkata, ini juga merupakan salah satu peluang buat mereka yang menggemari permainan eSports kerana mereka akan banyak meluangkan masa bermain di musim (PKP) ini sehubungan dengan keberadaan mereka untuk hanya berada di rumah sahaja.

“Walaupun bagaimanapun, mereka juga harus bijak membahagikan masa mereka dengan tidak terlalu menghabiskan masa bermain permainan eSports sahaja dan mengabaikan kewajiban lain,” katanya sewaktu temubual tempoh hari.